

**Dr. M bimbang tahap jurang kaum  
Utusan Online  
Julai 07, 2011**

KUALA LUMPUR 6 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kebimbangan bahawa jurang perbezaan antara kaum di negara ini akan menjadi lebih besar ketika negara mencapai status maju pada 2020.

Ia kata beliau, sekiranya ada kaum tertentu yang masih lagi berpaksikan jati diri mereka kepada negara asal dan gagal berasimilasi dengan masyarakat di negara ini.

"Apabila ada kaum tertentu yang masih mahu dikaitkan dengan negara asal dan mahu mengekalkan identiti itu, maka sudah semestinya proses asimiliasi itu akan menjadi mustahil," katanya dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan Syarahan Perdana bertajuk *Mentransformasi Negara Melangkaui 2020* di sini, hari ini.

Syarahan Perdana di hadapan kira-kira 1,700 profesor dari seluruh negara itu merupakan salah satu program dalam Kongres Majlis Profesor Negara (MPN) yang dianjurkan sempena setahun penubuhan Majlis Profesor Negara (MPN).

Dr. Mahathir menambah, isu perkauman juga menjadi cabaran besar kepada negara ketika ini berbanding 50 tahun lepas kerana golongan yang berfikiran terbuka, liberal dan ekstrimis lebih terkehadapan berbanding mereka yang rasional.

Ia katanya, ada kaitan dengan amalan demokrasi negara yang terlalu mengikut nilai dan sistem Barat yang begitu bebas dan terbuka.

"Dulu, kita tidak benarkan isu kaum dibincangkan secara terbuka, sebaliknya dibuat secara tertutup serta tidak melibatkan begitu ramai orang (pihak).

"Tetapi, hari ini kita sering bercakap mengenai isu perkauman dan ini tidak membantu kita (dalam soal perpaduan)," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0707&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_14.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0707&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_14.htm&arc=hive)